

JABATAN PENDAFTAR • DEPARTMENT OF REGISTRAR

Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1
Tarikh : 8 Oktober 2024

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 18/2024

**DEKAN/PENGARAH/PENGETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/HOSPITAL PENGAJAR//KOLEJ KEDIAMAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM TERMASUK DI MEDIA SOSIAL

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah mengingatkan semua Pegawai Awam menerusi Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2024 agar tidak membuat sebarang pernyataan awam melainkan yang diberi kuasa atau mandat bagi pihak Kementerian/Jabatan. Jika disabitkan kesalahan dan mengingkari mana-mana peraturan yang sedang berkuat kuasa, tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada Pegawai Awam terlibat.

3. Untuk perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, pegawai awam termasuk pegawai badan berkanun TIDAK BOLEH secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain membuat pernyataan awam yang boleh memudarangkan dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan tentang apa-apa isu, dan/atau memalukan atau memburukkan nama badan berkanun atau Kerajaan, dan/atau membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan, dan/atau mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain. Larangan berkaitan perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam Peraturan 18(1) dan 18(2), Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surc妖) 2000 [Akta 605] seperti berikut:

- a) **Peraturan 18(1), Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surc妖) 2000 [Akta 605]** menyatakan bahawa seseorang pegawai TIDAK BOLEH secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain-

...2/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

- i. membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudarangkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan tentang apa-apa isu;
- ii. membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama badan berkanun atau Kerajaan;
- iii. membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan; atau
- iv. mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

Peraturan 18(2), Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] menyatakan bahawa seseorang pegawai TIDAK BOLEH secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain-

- i. membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan badan berkanun atau Kerajaan;
- ii. memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi badan berkanun atau Kerajaan;
- iii. memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan badan berkanun atau Kerajaan; atau
- iv. menyebarkan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

4. Bersama-sama ini, dilampirkan Buku Setitik Nila 2.0: Koleksi Pengurusan Kes Tatatertib Pegawai Awam melalui pautan <https://docs.jpa.gov.my/docs/flipbook/Buku-Setitik-Nila-ver2/> sebagai rujukan/panduan.

5. Selain itu, pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh juga merujuk kepada Buku Garis Panduan Pusat Komunikasi Korporat tentang hebahan, penggunaan dan bersiaran di media sosial melalui laman web rasmi Pusat Komunikasi Korporat UKM iaitu www.ukm.my/pkk. Sukacita, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil perhatian mengenai perkara ini dan turut menghebahkan pekeliling ini kepada warga di Pusat Tanggungjawab masing-masing.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

...3/-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my/pendaftar

Sekian, terima kasih.

"ILMU, MUTU DAN BUDI"

Yang benar,

HJ. ZANUDIN MOHD DAUD
Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
- Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
Hospital Pakar Kanak-kanak UKM

-3-



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

ILMU, MUTU DAN BUDI

 www.ukm.my